



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	METRO AHAD			
TARIKH	:	8/9/2019	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	KATS / PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



DR Xavier (dua dari kanan) memberikan makan kepada gajah sebagai simbolik Sambutan Hari Gajah Sedunia 2019, semalam.

Temerloh

Bina santuari gajah di Perak

Kerajaan akan mewujudkan sebuah pusat santuari gajah di kawasan seluas 100 hektar dengan kos RM20 juta di Perak, sebagai usaha berterusan memulihara haiwan itu yang semakin terancam, selain sering berdepan konflik dengan manusia.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar berkata, kawasan baharu itu adalah pusat santuari tambahan selepas penubuhan Pusat Konservasi Gajah Sungai Deka di Terengganu dan Santuari Gajah Johor di Kota Tinggi.

“Kerajaan dengan kerjasama kerajaan negeri

Perak meluluskan cadangan pembinaan santuari baharu ini, yang akan dilaksanakan menerusi Rancangan Malaysia Ke-12,” katanya selepas merasmikan Sambutan Hari Gajah Sedunia 2019 di Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah di sini, semalam.

Turut hadir timbalannya, Tengku Zulpuri Shah Raja Puji, Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), Datuk Abdul Kadir Abu Hashim dan Pengerusi Export-Import Bank of Malaysia Bhd (EXIM Bank), Datuk Feizal Mustapha. - Bernama